

1. Setiap pemegang kupon berhak menerima bonus pada jumlah yang ditetapkan di dalam syarat kupon.
2. Bonus yang diterima oleh pemegang kupon boleh dikreditkan ke akaun perdagangan baru atau yang telah dikreditkan dengan Bonus Tetap atau Welcome Bonus 30% atau 55% pada pendepositan.
3. Pelanggan mengesahkan bahawa penerimaan bonus adalah bertujuan untuk keperluan sendiri, bukan untuk individu lain, saudara-mara atau kenalan terdekat.
4. Bonus yang diterima oleh pemegang kupon tidak boleh dikeluarkan dari akaun jika syarat yang dinyatakan pada Klaus 7 tidak dipenuhi. Walau bagaimanapun, keuntungan yang diperoleh dari bonus boleh dikeluarkan tanpa sebarang sekatan dengan syarat semua syarat Perjanjian ini dipenuhi.
5. Pelanggan bersetuju bahawa sekiranya berlaku pengeluaran dana dari akaun perdagangan, maka bonus akan dibatalkan sepenuhnya.
6. Syarikat berhak membatalkan pengkreditan bonus tanpa notis pemberitahuan terlebih dahulu dan menjelaskan alasannya. Oleh itu, kami amat mengesyorkan agar anda tidak mengambil kira dana bonus semasa membuat pengiraan keuntungan strategi perdagangan anda. Syarikat tidak bertanggungjawab terhadap sebarang akibat daripada pembatalan bonus termasuk kes Stop Out sebagaimana bonus terakru tetap menjadi milik Syarikat sepenuhnya sehingga Pelanggan menggunakan bonus dengan membuka sejumlah lot yang diperlukan seperti yang dinyatakan dalam Klaus 7 pada Perjanjian ini.
7. Bonus Kupon boleh dikeluarkan setelah sejumlah lot InstaForex dikumpulkan di dalam akaun perdagangan (1 lot pasaran bersamaan dengan 10 lot InstaForex) menyamai dengan  $X \times 5$ , di mana X adalah jumlah bonus dalam Dolar AS.
8. Pelanggan hanya boleh mendapatkan Bonus Kupon sekali sahaja.
9. Syarikat berhak untuk mengubah atau meminda syarat kempen tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
10. Bahasa rasmi Perjanjian adalah Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat perbezaan/percanggahan di antara Perjanjian dalam versi terjemahan dan Bahasa Inggeris, Perjanjian dalam Bahasa Inggeris akan dianggap sebagai standard rujukan.

---

Pelanggan berhak untuk mencabar keputusan Syarikat dalam masa 10 hari melalui e-mel: [bonuses@instaforex.com](mailto:bonuses@instaforex.com).